

22 JAN 2004

Syed Razak-P/Raya

DR MAHATHIR SETUJU JADI PENASIHAT PILIHAN RAYA BN KEDAH

ALOR STAR, 22 Jan (Bernama) -- Bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad telah bersetuju untuk menjadi penasihat Gerak Kerja Pilihan Raya Barisan Nasional (BN) Kedah bagi membantu parti itu memenangi pilihan raya umum akan datang.

Pengerusi BN Kedah Datuk Seri Syed Razak Syed Zain berkata persetujuan itu dicapai setelah mesyuarat jawatankuasa Badan Perhubungan Umno Negeri Kedah di Kuala Lumpur pada 14 Jan lepas memutuskan untuk melantik Dr Mahathir bagi peranan itu.

"Dr Mahathir akan merasmikan sendiri pelancaran Gerak Kerja Pilihan Raya BN Kedah pada 31 Jan nanti yang dijangka diadakan di Stadium Sultan Abdul Halim, di Suka Menanti," katanya kepada pemberita selepas menghadiri rumah terbuka Tahun Baru Cina MCA Kedah di sini, petang ini.

Seramai 1,200 pemimpin pelbagai peringkat parti komponen BN Kedah akan hadir pada pelancaran itu dan Dr Mahathir akan menyampaikan amanatnya bagi menghadapi pilihan raya umum akan datang.

Sebagai penasihat Dr Mahathir kemudian akan melawat ke setiap bahagian di negeri ini untuk bertemu kepimpinan di peringkat akar umbi.

"Kita yakin penglibatan dan peranan Dr Mahathir dalam pilihan raya umum nanti amat bermakna untuk menguatkan jentera parti BN dan pengalamannya amat diperlukan," kata beliau.

Selain itu, Syed Razak yang juga pengerusi Badan Perhubungan Umno Kedah berkata, beliau telah mengarahkan kesemua 15 Umno bahagian mengemukakan nama 10 orang daripada setiap bahagian untuk dinilai sebagai bakal calon dalam pilihan raya umum akan datang.

Beliau sendiri akan membuat penilaian untuk memilih calon-calon yang layak daripada nama-nama yang dikemukakan oleh bahagian berdasarkan kriteria tertentu.

Tetapi, menurutnya, tiada sebarang jaminan untuk Umno Negeri memilih

calon-calon daripada 10 nama yang dikemukakan oleh bahagian dan kemungkinan terdapat bakal calon yang terdiri daripada mereka yang tidak disenaraikan.

"Senarai itu adalah untuk memberi peluang kepada setiap Umno bahagian mengemukakan pandangan mereka sendiri terhadap pemilihan bakal calon di samping itu setakat ini belum ada sebarang senarai daripada saya sendiri untuk memilih bakal-bakal calon," katanya lagi,

Sebelum menyerahkan nama-nama bakal calon kepada Umno pusat, beliau akan berjumpa dengan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi terlebih dahulu bagi mendapat pandangan terhadap kriteria pemilihan calon yang dikehendaki oleh pucuk pimpinan.

Sementara itu, katanya, Perdana Menteri juga akan melakukan lawatan rasmi sehari ke Kedah pada 3 Feb nanti.

Menurut Syed Razak, dalam lawatan itu Abdullah akan bertemu dengan anggota-anggota parti komponen BN Kedah dan kakitangan kerajaan pada sebelah pagi dan sebelah petangnya akan menghadiri satu perhimpunan mesra rakyat di sini.

Ini merupakan lawatan rasmi pertama Abdullah ke negeri ini sejak mengambil alih jawatan Perdana Menteri daripada Dr Mahathir pada 31 Okt lepas.

-- BERNAMA

MNH PR